



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PEMAKLUMAN PENGENDALIAN KES-KES DI MAHKAMAH-MAHKAMAH DI DAERAH
SEREMBAN DAN MAHKAMAH PATI LENGGENG, NEGERI SEMBILAN SELARAS
DENGAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) DARI
5 NOVEMBER HINGGA 18 NOVEMBER 2020**

Selaras dengan pengumuman oleh Menteri Kanan Pertahanan, YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob pada 3 November 2020 berkenaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di Daerah Seremban, Negeri Sembilan, YAA Ketua Hakim Negara Tun Tengku Maimun binti Tuan Mat telah mengarahkan agar **Mahkamah-Mahkamah di Daerah Seremban dan Mahkamah PATI Lenggeng, Negeri Sembilan berkuat kuasa 5 November 2020 hingga 18 November 2020**, arahan-arahan berikut adalah terpakai:

- (a) Bagi Prosiding Pendengaran Kes-kes di Mahkamah
Panduan Pengendalian Kes-Kes di Mahkamah Seluruh Malaysia Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit 1988 dan Akta Polis 1967 yang dikeluarkan oleh Pejabat ini bertarikh 17 Mac 2020; dan
- (b) Bagi Operasi Kerja di Pejabat dan Kaunter-kaunter Perkhidmatan Mahkamah
Garis Panduan Pengendalian Kes dan Tatacara Pengendalian Piawai Pencegahan Wabak COVID-19 Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat Dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan oleh Pejabat ini bertarikh 3 Mei 2020.

Walau bagaimanapun, pemakaian Panduan-panduan ini perlu diubah suai dengan mengambil kira keperluan Mahkamah-Mahkamah di Daerah Seremban dan Mahkamah PATI Lenggeng, Negeri Sembilan dan tarikh PKPB.

Sekiranya agensi kerajaan, peguam dan orang awam mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut:

- (a) **Mahkamah Tinggi Malaya**
Puan Hasbi binti Hasan
Pendaftar Mahkamah Tinggi Malaya
03-88803702 / 012-2098648 / hasbi@kehakiman.gov.my

- (b) **Mahkamah Rendah Malaya**
Tuan M. Bakri bin Abd Majid
Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya
03-88809418 / 019-9851333 / mbakri@kehakiman.gov.my

- (c) **Mahkamah Negeri Sembilan**
Puan Madihah binti Harullah
Pengarah Mahkamah Negeri Sembilan
06-6032000 / 012-3808617 / madihah@kehakiman.gov.my

- (d) **Mahkamah Tinggi Seremban**
Mazlifah binti Mokhtar
Timbalan Pendaftar (Pentadbiran) Mahkamah Tinggi Seremban
012-2464065 / mazlifah@kehakiman.gov.my

- (e) **Mahkamah Rendah Seremban**
Puan Rahimah binti Rahim
Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya
(Negeri Sembilan)
06-6032122 / 012-3117507 / rahimahrahim@kehakiman.gov.my

Sekian, terima kasih.

**Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya**

Tarikh: 4 November 2020